

15 November 2017 (Rabu)



PENGURUSI Matrix Concepts Datuk Mohamad Haslah Mohamed Amin (tiga dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen antara Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts Datuk Lee Tian Hock (dua dari kiri) dan Pengarah Urusan QSR Brands (M) Holdings Bhd Datuk Mohamed Azahari Mohamed Kamli (dua dari kanan) pada Majlis Menandatangani Perjanjian dan Piecah Tanah Restoran KFC Cawangan ke-100 di Sendayan Metropark hari ini - Foto BERNAMA

Kerjasama pemaju buka KFC, Pizza Hut

[f Share](#) [Twitter](#) [8+ Share](#)

SEREMBAN: QSR Brands (M) Holdings Bhd, pengendali rantaian restoran Kentucky Fried Chicken (KFC) dan Pizza Hut, merancang bekerjasama dengan pemaju utama bagi membuka restoran baru.

Pengarah Urusannya, Datuk Mohamed Azahari Kamli, berkata syarikat itu ingin bekerjasama dengan pemaju yang melaksanakan pembangunan perbandaran bersepadu.

"Dalam usaha kami untuk berkembang, kami perlu mengenal pasti rakan usaha sama dan rakan kongsi berpotensi kerana kami percaya semangat kerjasama akan menjadikannya lebih mudah untuk kami, dari segi mengurangkan kos serta memasarkan KFC dalam komuniti tempatan."

"Kami mahu mengadakan lebih banyak kerjasama dengan pemaju yang dihormati, yang dapat mewujudkan komuniti yang baik kerana dengan kejayaan perbandaran, akan wujud lebih banyak nilai dan pelanggan yang akan datang ke restoran kami," katanya kepada media pada majlis pecah tanah cawangan KFC ke-700 di Bandar Sri Sendayan dekat sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengurus Matrix Concepts Holdings Bhd (MCHB), Datuk Mohamad Haslah Mohamed Amin dan Pengarah Urusan Kumpulan MCHB, Datuk Lee Tian Hock.

Mohamed Azahari berkata, projek itu kerjasama pertama antara QSR Brands dan pemaju, MCHB, di Negeri Sembilan.

"Kami telah menjalin kerjasama dengan banyak lagi pemaju utama di Selangor dan ia adalah proses yang berterusan.

"Kita bercakap mengenai kerjasama pintar, ia bukan mengenai promosi restoran KFC, tetapi pemaju juga memainkan peranan manakala kami memainkan peranan mempromosi perbandaran baharu ini," katanya dengan menambah, enam lagi restoran KFC akan dibuka menjelang akhir tahun.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Azahari berkata, 1,060 restoran KFC dan Pizza Hut akan dilengkapi perkhidmatan wifi menjelang Januari tahun depan.

"Ini kerjasama dengan TM dan kami akan menghubungkan semua restoran dengan sistem pembayaran terkini agar pelanggan mempunyai banyak pilihan untuk membuat pembayaran, termasuk melalui e-dompet," katanya.

Mengenai restoran KFC baharu di Bandar Sri Sendayan, Mohamed Azahari berkata, restoran itu akan dibina di kawasan 0.4 hektar dan dijangka dibuka pada September tahun depan dengan menawarkan konsep makan di situ dan pandu lalu.

"Restoran setingkat ini boleh menampung 600 pelanggan pada satu masa serta dilengkapi teknologi hijau asas seperti tenaga solar dan lampu LED (diod pemancar cahaya)," katanya dengan menambah KFC melayani 20 juta pelanggan sebulan.

Sementara itu, Tian Hock berkata, restoran KFC akan menjadi titik pertemuan penduduk dan pelawat, di samping merangsang kegiatan komersial perbandaran itu.

"Kemunculan jenama KFC di Bandar Sri Sendayan akan menjadi pemangkin dalam mengalukan lebih banyak jenama terkenal ke perbandaran ini," katanya. - Bernama